

Anggota lembaga pengarah AMP calon NMP



CALON NMP: Pemangku Ketua Khidmat Kewangan Masyarakat Islam Maybank Singapura, Encik Ismail Hussein, telah mencalonkan dirinya menjadi seorang Anggota Parlimen Dilantik (NMP).

17 May 2014

NUR DHUHA ESOOF

SEORANG aktivis masyarakat, yang juga anggota lembaga pengarah Angkatan Karyawan Islam (AMP), Encik Ismail Hussein, telah mencalonkan dirinya sebagai Anggota Parlimen Dilantik (NMP).

Pencalonan Encik Ismail, 51 tahun, dibuat menerusi Majlis Perkhidmatan Masyarakat Kebangsaan (NCSS) Rabu lalu.

Beliau berharap dapat mewakili sektor perkhidmatan sosial, salah satu daripada tujuh sektor yang akan mencalonkan kumpulan NMP seterusnya.

Semasa dihubungi semalam, Encik Ismail berkata jika dilantik, beliau mahu memberi tumpuan pada isu nasional, seperti isu penduduk dan kos sara hidup, dan bukan isu yang menjejaskan masyarakat Melayu/Islam sahaja.

Pemangku Ketua Khidmat Kewangan Masyarakat Islam Maybank Singapura itu menjadi anggota lembaga pengarah AMP tiga tahun lalu.

Dua tahun lalu, beliau dilantik menjadi anggota Jawatankuasa Perbincangan Singapura Kita (OSC) di bawah pimpinan Menteri Pendidikan, Encik Heng Swee Keat.

Bapa tiga anak itu berkata penglibatannya dalam jawatankuasa OSC banyak mendedahkannya kepada aspirasi dan harapan warga Singapura.

"Saya mendapat banyak maklum balas baik daripada orang ramai melalui perbincangan itu. Saya ingin melihat apakah beberapa saranan yang diutarakan dalam OSC dapat dikembangkan," katanya.

Beliau juga berharap dapat meneruskan usaha yang dilakukannya sebagai anggota jawatankuasa OSC, iaitu memberi tumpuan kepada isu yang akan menjejaskan generasi muda dan generasi akan datang, seperti isu kos sara hidup dan penduduk.

Menjelaskan keputusannya mencalonkan diri sebagai NMP, Encik Ismail, yang berpengalaman 24 tahun dalam sektor kewangan dan perbankan, berkata ia dibuat atas galakan dan sokongan beberapa anggota kanan masyarakat Melayu yang beliau enggan namakan.

"Saya melihat pencalonan ini sebagai peluang mengambil bahagian dalam perbahasan parlimen dan belanjawan. Ia satu perbezaan besar berbanding apa yang kami lakukan di AMP.

"Di AMP, kami mempunyai konvensyen sendiri, tetapi di peringkat kebangsaan saya boleh mengkritik dan membuat perbezaan dalam perbahasan di parlimen," kata beliau.

Ini kali pertama Encik Ismail memohon menjadi NMP, yang diperkenal pada 1990.

Pencalonan bagi NMP kali ini ditutup Selasa ini.

Tujuh daripada sembilan NMP sedia ada, termasuk pejuang sekitaran Faizah Jamal, telah berkata mereka tidak akan menyambung khidmat mereka.

Dua lagi - Profesor Madya Eugene Tan daripada Fakulti Undang-Undang Universiti Pengurusan Singapura dan ahli perniagaan R. Dhinakaran - telah melahirkan hasrat terus menyumbang sebagai NMP.

Sementara itu, empat lagi individu telah dicalon sebagai NMP.

Mereka ialah pemimpin veteran kesatuan sekerja, Encik K. Karthikeyan; veteran teater, Encik Kok Heng Leun; bekas pelayar negara, Encik Ben Tan; dan presiden Persatuan Pengurusan Rangkaian Bekalan dan Logistik, Encik Raymon Krishnan.